

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN ANTARA FAKULTI KALI
KE-18 UTeM 2024**


اوپیزه سیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
14 November 2024 / 8.00 malam
Stadium UTeM**

Terima kasih pengacara majlis
Bismillahirahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran



1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada malam ini sempena dengan **Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Antara Fakulti Kali ke-18, Universiti Teknikal Malaysia Melaka Tahun 2024.**

2. Terlebih dahulu saya ingin **mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) melalui Pusat Sukan** yang tidak pernah gagal untuk menganjurkan kejohanan sukan ini setiap tahun.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

3. Untuk makluman bersama, SAF dianjurkan bertujuan untuk menyediakan **platform medan persaingan yang sihat kepada TUAH dan TEJA UTeM menonjolkan bakat sukan masing-masing**. Penglibatan anda semua dalam aktiviti sukan bukan sahaja bertujuan untuk membudayakan amalan gaya hidup sihat, tetapi juga

bertujuan untuk **membentuk nilai dan kemahiran yang diperlukan sewaktu memasuki alam pekerjaan.**

4. Sebagai contoh, melalui sukan berpasukan seperti bola sepak, badminton, bola jaring dan lain-lain lagi, anda semua secara tidak langsung **membentuk satu semangat kepercayaan dan kerjasama** yang sangat diperlukan untuk memastikan kemenangan anda. Begitu juga di alam pekerjaan. Anda tidak boleh bekerja secara solo tetapi juga perlu bekerja di dalam satu kumpulan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Seperti kata Hellen Keller '***Alone we can do so little but together we can do so much***'.

5. Selain itu, penglibatan anda semua dalam SAF juga bertujuan sebagai satu **medium untuk mencari bakat-bakat sukan bagi mewakili UTeM ke kejohanan peringkat kebangsaan seterusnya antarabangsa**. Untuk makluman semua, UTeM pernah melahirkan bakat-bakat sukan di peringkat antarabangsa. Antaranya adalah alumni saudara **Hamdan Wahid bin Rinaldi yang pernah menyumbang pingat gangsa di Kejohanan Sukan Universiti Dunia pada tahun 2019 melalui sukan taekwondo**, saudara **Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi yang berjaya mendapat pingat perak dalam ASEAN**

University Games 2022 bagi sukan merejam lembing dan ramai lagi.

6. Pencapaian-pencapaian di arena antarabangsa ini semua bermula dari SAF yang telah disertai oleh atlit-atlit TUAH dan TEJA UTeM. Saya mengharapkan SAF pada kali ini juga turut akan dapat menemukan seterusnya mengasah atlit yang mampu untuk mewakili UTeM dan juga Malaysia ke kejohanan antarabangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Program-program sukan yang dianjurkan adalah bertujuan untuk menggalakkan seluruh warga UTeM, baik staf

mahupun TUAH dan TEJA UTeM, untuk **menerapkan budaya gaya hidup sihat dan aktif dalam kehidupan seharian.** Saya amat berharap agar Sukan Antara Fakulti ini bukan sahaja menjadi pertandingan yang sihat tetapi juga sebuah peluang untuk seluruh warga UTeM memperkuuh hubungan antara satu sama lain. Dengan mengamalkan gaya hidup aktif, saya yakin kita semua dapat meningkatkan daya tahan fizikal dan mental yang akan memberi manfaat dalam setiap aspek kehidupan, terutamanya dalam mendepani cabaran masa hadapan.


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

8. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi dengan anda semua fakta dari *The World Factbook*. Dari

tahun 2016 hingga 2024, **Malaysia telah muncul sebagai negara ke-2 di Asia Tenggara** yang mempunyai ramai rakyat yang mempunyai masalah berat badan di mana 19.7% penduduk mempunyai berat badan yang berlebihan. Masalah berat badan akan menyebabkan masalah-masalah kesihatan yang lain seperti peningkatan kolestrol, kencing manis dan juga indikator penting bagi masalah jantung.

9. Oleh yang demikian, pengurusan tertinggi UTeM sangat menggalakkan gaya hidup yang aktif di kalangan warganya dengan **menyediakan kemudahan yang lengkap dan selesa untuk semua**. Antaranya adalah dewan pusat sukan yang baru sahaja di ubah suai dan di tambah baik untuk

penggunaan semua. Insyaallah terdapat banyak lagi kemudahan sukan yang sedang di dalam perancangan untuk diwujudkan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

- 
10. Di sini saya ingin menyeru kepada anda semua untuk sentiasa kekal aktif. Anda semua **digalakkan untuk turut serta sekurang-kurangnya dalam 1 sukan.** Bagi sesiapa yang masih tidak mempunyai sukan untuk disertai, anda boleh **bersama-sama dengan saya untuk briskwalk** yang dianjurkan pada waktu petang.
 11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada Pusat

Sukan UTeM atas usaha yang bersungguh-sungguh dalam menganjurkan Sukan Antara Fakulti kali ke-18 ini. Dengan semangat kesukaran yang tinggi, marilah kita bersama-sama memastikan program ini menjadi sebuah pencetus kepada usaha melahirkan atlit TUAH dan TEJA yang kompeten serta cemerlang.

**Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan
ini merasmikan Sukan Antara Fakulti Kali ke-18,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka Tahun 2024.**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih